

5,000 pesawah saja yang tak puashati

Padi: Sistem kupon akan diteruskan - Dr. Mahathir

K. LUMPUR, Selasa.

SISTEM kupon kepada penanam-penanam padi akan diteruskan kerana ia satu-satunya cara bagi mengelakkan subsidi harga padi dari jatuh ke tangan orang-orang yang tidak berkhair menerimanya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bellau memberitahu keluaran terbaru "Merdeka" akhbar bulanan UMNO Malaysia, cuma 5,000 orang saja penanam padi yang mengadakan tunjuk perasaan di Alor Setar bulan lalu tidak menerima sistem itu sedangkan 240,000 penanam padi lain di kawasan MUDA puas hati dengan subsidi Kerajaan dan menerima cara-cara pelaksanaannya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan menggunakan sistem kupon ini setelah terdapat bukti bahawa pada masa subsidi musim kemarau dulu dilaksanakan, bantuan tersebut kerap kali tidak sampai kepada penanam-penanam padi yang sebenar.

"Sebaliknya subsidi tersebut telah masuk ke poket orang-orang tengah, seperti pembeli-pembeli padi dan para pengilang".

"Subsidi secara kupon ini akan menghapuskan kumpulan tersebut yang akan terus tidak puas hati", katanya.

Bellau menjelaskan, terdapat bukti jelas orang-orang tengah ini telah memberi bantuan wang

kepada penunjuk-penunjuk perasaan di Alor Setar itu.

Katanya, ia telah dianjurkan oleh orang-orang yang cekap dalam bidang menunjuk perasaan yang mereka pelajari sewaktu di universiti.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk memberi penjelasan sepenuhnya kepada rakyat tentang apa yang sebenarnya berlaku.

Bellau menegaskan para petani di kawasan MUDA adalah antara yang berpendapatan paling tinggi berbanding dengan penanam-penanam padi di tempat lain kerana mereka sebenarnya mendapat dua perolehan setahun.

Walaupun kos pengeluaran padi telah meningkat, harga padi juga telah naik berkali ganda.

Dalam tahun 1967 harga padi yang ditetapkan ialah \$18 sepikul tetapi yang dijual oleh para petani ialah \$8 sepikul.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan sejak Lembaga Padi dan Beras Negara ditubuhkan, persaingan yang timbul telah meningkatkan harga padi kepada \$32 sepikul.

Ini bermakna para petani yang menanam dua musim mendapat \$64, katanya.

Kerajaan pula memberi subsidi baja bernilai \$3 bagi setiap pikul padi yang dikeluarkan menjadikan harga padi sebenarnya \$35 sepikul.

"Sungguhpun pendapatan penanam padi nampaknya kecil tetapi kalau dicampur dengan sumbangan subsidi dan lain-lain bantuan seperti bekalan air yang disediakan, maka pendapatan mereka yang sebenar adalah banyak", katanya.

Kerajaan, katanya memang sedar kos tenaga juga telah naik tetapi ini lebih menguntungkan para petani sendiri kerana kadangkala mereka juga bekerja mengambil upah di bendang-bendang orang lain.

Bellau yang juga menteri perdagangan dan perindustrian berkata, harga padi di Malaysia adalah yang paling tinggi pada masa ini di Asia, kecuali di Jepun.

Harga padi di China, Thailand, Bangladesh, Indonesia dan Filipina adalah jauh lebih murah.

Untuk menjaga kepentingan para petani, Kerajaan telah menyekat kemasukan beras dari luar negeri untuk menjaga kestabilan harga padi di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, menaikkan harga padi akan menimbulkan masalah lain. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia